

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XV)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

27. EXCO dan Jawatankuasa manakah yang bertanggungjawab terhadap kuari tanah, pasir dan batu?
- (a) Adakah kerajaan berhasrat mengenakan semula Permit 4C atau lain-lain caj bayaran terhadap kuari yang dijalankan di tanah *First Grade* atau tanah *Condition A* dan *B*?
  - (b) Huraikan kuasa kelulusan dan penguatkuasaan terhadap kuari oleh MBSP, PTD, JAS, dan JGM.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. EXCO yang bertanggungjawab terhadap kuari tanah, pasir dan batu adalah EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar. Jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap kuari tanah, pasir dan batu ialah Jawatankuasa Pengeluaran Bahan Batuan Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YB. Tuan Phee Boon Poh.
- (a) Pada masa kini, kerajaan masih tidak berhasrat untuk mengenakan Permit 4C ke atas tanah-tanah berstatus *First Grade*, *Condition A* dan *Condition B*. Hal ini kerana Kanun Tanah Negara (KTN), 1965 adalah tidak terpakai bagi tanah-tanah yang telah diberimilik sebelum merdeka. Perkara ini juga selari dengan Arahan PTG Bil. 1/2010 yang menyatakan bahawa tanah-tanah berstatus *First Grade*, *Condition A* dan *Condition B* adalah tidak tertakluk dengan permohonan Permit 4C. Malahan, tanah-tanah ini tidak perlu menukar syarat di bawah Seksyen 124, KTN 1965 sekiranya hendak dimajukan. Namun begitu,

Kaedah 7, Kaedah-Kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 menyatakan bahawa pemilik tanah-tanah ini masih perlu untuk memohon Lesen Operasi Kuari. Kaedah 19, Kaedah-Kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 pula menyatakan seperti berikut:

*“(2) Mana-mana pengusaha kuari yang memohon untuk pemajuan mulai 26 Mei 2010 perlu mendapat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Kerja Tanah daripada Pihak Berkuasa Tempatan.”*

*“(3) Mana-mana pengusaha kuari iaitu kuari yang telah beroperasi sebelum 26 Mei 2010 hanya perlu mengemukakan Pelan Kerja Tanah kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk tujuan kelulusan dan kawalan.”*

- (b) Kuasa kelulusan bagi aktiviti kuari adalah di bawah Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Bagi kuari yang berstatus *First Grade, Condition A* dan *Condition B* yang beroperasi mulai 26 Mei 2010 dan ke atas, pengusaha kuari tidak perlu memohon untuk permit 4C. Mereka hanya perlu memohon kelulusan bagi Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Kerja Tanah daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi kuari yang berstatus *First Grade, Condition A* dan *Condition B* yang beroperasi sebelum 26 Mei 2010, pengusaha kuari juga tidak perlu memohon untuk permit 4C tetapi hanya perlu mengemukakan Pelan Kerja Tanah kepada PBT. Namun begitu, kuari-kuari selain berstatus *First Grade, Condition A* dan *Condition B* perlu memohon permit 4C. Permohonan permit 4C bagi sesebuah kuari akan dilakukan di Pejabat Daerah dan Tanah dan akan diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Pengeluaran Bahan Batuan. Seterusnya, permohonan tersebut akan diangkat ke peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (JKTN) dan akhir sekali ke pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri untuk mendapatkan keputusan.

Kuasa dari segi penguatkuasaan terhadap kuari oleh MBSP, PTD, JAS dan JMG adalah seperti berikut:

- (i) Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP Berdasarkan peruntukkan Undang-Undang berikut :
  - (a) Seksyen 19(1), Akta Perancang Bandar & Desa 1976 (Akta 172) Semua aktiviti pengkuarian (melibatkan berlakunya perubahan matan kepada tanah) adalah tertakluk kepada peruntukkan Akta Perancang Bandar & Desa 1976 dan perlu mendapat kelulusan permohonan kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (MBSP) sebelum memulakan aktiviti pengkuarian di tapak selaras dengan peruntukkan Seksyen 19(1), Akta 172.
  - (b) Seksyen 70A, Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) Semua aktiviti kerja tanah pengkuarian tidak boleh dimulakan tanpa mendapat kelulusan pelan kerja tanah daripada Pihak Berkuasa Tempatan (MBSP) terlebih dahulu selaras dengan peruntukan Seksyen 70A, Akta 133. Kelulusan pelan kerja tanah ini akan mengambilkira kawalan kawalan sistem hakisan kelodak, kawalan kebersihan kenderaan berat keluar masuk, kawalan kacau ganggu habuk debu dan gegaran agar tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
  - (c) Sekiranya sebuah kuari tersebut mula beroperasi selepas 26 Mei 2010 dan tidak dapat mengemukakan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Kebenaran Merancang (atau melanggar syarat-syarat kelulusan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Kebenaran Merancang), tindakan penguatkuasaan akan diambil. Sekiranya sebuah kuari tersebut telah mula beroperasi sebelum 26 Mei 2010 dan tidak dapat mengemukakan Pelan Kerja Tanah (atau melanggar syarat-syarat

kelulusan Pelan Kerja Tanah), tindakan penguatkuasaan juga akan diambil.

(ii) Pejabat Daerah dan Tanah, PTD dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG)

Bagi kuari-kuari yang berstatus selain daripada *First Grade, Condition A* dan *Condition B*, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan sekiranya kuari tersebut beroperasi tanpa permit 4C atau melanggar syarat-syarat kelulusan yang telah dinyatakan di dalam permit 4C tersebut. Sekiranya pengusaha kuari melanggar mana-mana peruntukkan yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara, 1965 dan Kaedah-Kaedah Kuari Pulau Pinang 2018, mereka juga akan dikenakan tindakan penguatkuasaan. Antaranya ialah tidak membayar cukai tanah, langgar syarat dan tidak memohon lesen operasi kuari.

(iii) Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Pengusaha kuari akan dikenakan tindakan penguatkuasaan berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sekiranya mereka melakukan kerja-kerja pengkuarian sehingga mencemarkan kawasan sekitar dengan habuk-habuk kuari ataupun sungai dan laut yang terdapat di kawasan tersebut. Pengurusan sisa kuari juga perlu dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah disediakan.

(iv) Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

Pihak JMG melalui Inspektor Kuari Kanan dan Inspektor Kuari yang dilantik oleh PTG akan mengawal dari segi teknikal seperti kekuatan letupan yang boleh dilakukan oleh sesuatu kuari, kawalan terhadap Lesen Operasi Kuari di bawah Kaedah-Kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 dan juga memberi pandangan dan nasihat berkaitan kedalaman yang boleh dicapai oleh sesebuah kuari.